

Aplikasi Maslahah Ke Atas Pensyarat Pelaksanaan Haji Atau Umrah Melalui Agensi Pengelola

The Application of Maslahah in Restriction on Performing Hajj and Umrah without Operating Agencies

Mustafa Mat Jubri Shamsuddin

Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur;

Progres Artikel

Diterima: 7 Disember 2018
Disemak: 1 Mac 2019
Diterbit: 31 Mei 2019

*Perhubungan Penulis:
Mustafa Mat Jubri
Shamsuddin,
Jabatan Fiqh & Usul Fiqh,
Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia, Kuala Lumpur.
Emel:
mussham@iium.edu.my

Abstrak: Ibadah Haji adalah rukun Islam kelima, manakala ibadah Umrah adalah salah satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam. Kedua-dua ibadah ini adalah hak Allah ke atas setiap muslim yang berkemampuan dan dari sudut yang lain ia juga merupakan hak semua muslim untuk melakukannya. Memandangkan pelaksanaan kedua-dua ibadah ini melibatkan aspek-aspek yang pelbagai seperti keselamatan dan kesihatan, maka pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskannya telah meletakkan beberapa syarat tambahan, di samping syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak. Antara syarat-syarat tambahan ini ialah, larangan mengerjakan haji atau umrah tanpa melalui agensi pengelola yang sah. Kajian ini bertujuan menilai syarat larangan ini dari sudut syarak, dengan menekankan aspek kemaslahatan dan kemudaratan. Kajian ini mengandungi tiga perbahasan utama, iaitu pengertian beberapa istilah, latar belakang hukum larangan, dan membincangkan penilaian hukum larangan tersebut menurut konsep Maslahah. Kajian ini akan menggunakan metod kualitatif dengan menjadikan kaedah-kaedah syarak secara umumnya dan konsep Maslahah secara khususnya sebagai sandaran dalam menilai sejauh mana larangan mengerjakan Haji dan Umrah tanpa melalui agensi pengelola menepati Syarak.

Kata kunci: Haji, Umrah, Maslahah, Agensi, Tabung Haji

Abstract: Hajj is the fifth pillar of Islam, while Umrah is considered among the highly encouraged deeds in Islam. Both worships are considered as the right of Allah upon every Muslim who are able to perform them while every Muslim has the right to go to Hajj and Umrah. Considering that, the practice of these worships involves various aspects such as security and health, the responsible party has imposed additional conditions to those who are willing to perform Hajj or Umrah including to use an operating agencies, which are recognized by the Saudi government. This study aimed to evaluate condition of restriction in the view of Shariah, by emphasizing the comparison between Maslahah (interest) and Mafsadah (harm). This study consists of three main discussions, which focuses on defining the terminologies, highlights the historical background of this restriction, and discusses the Islamic ruling of this restriction based on the concept of Maslahah. This study relies on the

qualitative method by utilizing the concept of Maslahah in evaluating this restriction.

Keywords: Hajj, Umrah, Maslahah, Agency, Tabung Haji

Pengenalan Dan Pengertian

Ibadah Haji dan Umrah adalah syiar Islam dan salah satu rukunnya. Sebagaimana yang tersebut dalam hadis Jibril a.s. yang masyhur ketika beliau bertanya baginda Rasulullah s.a.w. tentang Islam, lalu Baginda menjawab yang bermaksud: "Islam itu adalah engkau bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, dan engkau mendirikan solat, dan engkau mengeluarkan zakat, dan engkau berpuasa Ramadhan, dan engkau menuunaikan haji jika engkau berkemampuan" (Muslim, 2006).

Manakala, di dalam sebuah hadis yang lain, Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Islam itu dibina di atas lima perkara: bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menuunaikan haji dan berpuasa Ramadhan" (al-Bukhari, 2001).

Istilah haji atau al-Hajj secara bahasanya bermaksud kehendak atau keinginan melakukan sesuatu. Secara syaraknya, haji adalah kehendak atau keinginan (al-Qasd) pergi Kaabah untuk melakukan ibadah – ibadah tertentu (al-Sharbini, 1994).

Pengertian umrah mengikut syarak adalah sama dengan maksud haji ini, walaupun umrah secara bahasanya bererti ziarah (al-Ramli, 1984).

Agensi pengelola yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah organisasi yang menyelia urusan melakukan haji dan umrah bermula dari peringkat kursus bimbingan, dan merangkumi segala keperluan sebelum dan semasa mengerjakan ibadah ini. Di Malaysia, Lembaga Tabung Haji adalah agensi pengelola utama, dan diikuti agensi-agensi pelancongan yang juga menawarkan pakej ibadah ini.

Maslahah atau kemaslahatan merujuk kepada manfaat dan kebaikan secara literalnya. Manakala maksud maslahah dalam pengertian yang dimaksudkan di sini ialah manfaat yang dikehendaki oleh Allah dengan mendapatkan kebaikan serta mengekalkannya, dan mengelakkan keburukan serta menghilangkannya (Hassan, 1981).

Pengertian maslahah secara lebih khusus dalam kajian ini merujuk kepada pengambilkiraan mendatangkan maslahah dan mengelakkan mafsadah dalam tiga sudut. Sudut pertama ialah niat pelaksanaan (Qasd al-Fi'l) yang menilai faktor kehendak yang membawa kepada perbuatan. Sudut kedua ialah cara pelaksanaan (Ada' al-Fi'l) yang menilai tatacara

amalan yang dilakukan. Sudut ketiga ialah kesan pelaksanaan (Ma'al al-Fi'l) yang menilai hasil dan natijah perilaku yang dibuat.

Latar Belakang Larangan

Asas kewajipan melakukan haji dan umrah adalah firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dan sempurnakanlah haji dan umrah kerana Allah" (al-Baqarah: 196).

Ayat ini meletakkan kewajipan ibadah haji dan umrah ke atas semua mukalaf, tanpa mensyaratkan perlunya melalui agensi pengelola. Ini disokong dengan ayat yang lain iaitu firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dan serulah (wahai Muhammad) kepada manusia dengan kewajipan haji agar mereka mendatangimu dengan berjalan kaki dan berkenderaan menaiki unta yang kurus, yang datang dari tempat yang jauh" (al-Hajj: 27).

Bahkan, di dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. menyuruh sesiapa yang ingin melakukan haji agar langsung segera melakukannya, seperti dalam sabdanya yang bermaksud: "Barang siapa yang mahu melakukan haji maka bersegeralah" (Abu Dawud, 2009).

Seawal zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. lagi, ibadah haji diberikan perhatian khusus dari sudut pentadbiran dan pengurusan. Saban tahun, Baginda akan melantik ketua bagi orang muslimin dalam melaksanakan haji serta menjadi rujukan dalam hal ehwal haji. Contohnya, Baginda melantik Abu Bakr r.a. pada tahun kesembilan hijriyyah sebagai amir haji, dan pada tahun kesepuluh hijriyyah Baginda sendiri mengetuai ibadah haji, yang dikenali sebagai haji wada' (al-Karmi, 2007).

Pentadbiran haji ini diteruskan oleh para khalifah selepas Baginda dengan penambahbaikan dari sudut organisasi dan infrastruktur. Seterusnya usaha ini dilestarikan oleh pemerintah Bani Umayyah, dan Bani Abbasiyah, sehingga ke zaman khilafah Uthamaniyyah. Setiap khalifah dan pemerintah bertanggungjawab ke atas urusan ibadah haji ini (Umar, 2002). Selepas kejatuhan Khilafah Uthamaniyyah pada tahun 1924 dan ketika era penjajahan ke atas negara-negara Islam, pengurusan haji ditadbir oleh pemerintah negara masing-masing atau kuasa penjajah (Baharudin, 2014).

Merujuk kepada situasi sejarah haji di Malaysia, pada era penjajahan British, mereka mengawal selia urusan ibadah ini atas dasar beberapa tujuan. Antaranya, penularan beberapa penyakit berjangkit yang dibawa pulang oleh jemaah haji dari bumi Mekah, dan kerisauan British dengan penyebaran suara-suara kebangkitan rakyat di bumi Hijaz untuk menentang penjajah (Barudin, 2014).

Pada tahun 1849, orang Islam di Tanah Melayu pergi berlayar untuk melakukan ibadah haji di pelabuhan Singapura, dengan menaiki kapal-kapal dagang. Pada tahun 1864, Pulau Pinang menjadi tumpuan utama kapal-kapal haji yang datang dari Singapura dan Indonesia. Ketua ibadah haji atau syeikh haji yang mendapat lesen kebenaran dari penjajah akan menguruskan hal-ehwal haji. Antara tugasnya, mencari bakal-bakal haji di kampung-kampung, menyediakan tiket pelayaran serta pas haji, dan memastikan adanya tempat penginapan di Tanah Haram (Barudin, 2014).

Pada tahun 1969, selepas lebih kurang 12 tahun dari kemerdekaan Malaysia, sistem pengurusan haji telah berubah dengan besarnya. Ini berikutan dengan penubuhan Lembaga Tabung Haji pada tahun tersebut, di bawah Akta 8, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji, hasil gabungan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji dengan Pejabat Kawalan Haji. Seterusnya pula, pada tahun 1984, sistem syeikh yang telah bertapak lama di Tanah Melayu dalam menguruskan ibadah haji telah dimansuhkan dan digantikan dengan sistem muassasah oleh kerajaan Arab Saudi. Jemaah haji Malaysia diletakkan di bawah pengurusan pihak Muassasah Asia Tenggara (Barudin, 2014).

Semenjak daripada itu, pengurusan haji dan umrah menjadi lebih tersusun dan teratur, dengan kemunculan agensi-agensi pengelola yang lain. Agensi-agensi ini adalah syarikat-syarikat pelancongan yang mengendalikan urusan pelancongan dalam dan luar negara. Dalam masa yang sama, mereka juga menawarkan perkhidmatan pengurusan haji dan umrah.

Dalam menawarkan perkhidmatan ini, Lembaga Tabung Haji adalah agensi pengelola utama dalam urusan ibadah haji. Di samping itu, beberapa agensi pengelola swasta akan diberikan lesen atau keizinan oleh Tabung Haji untuk menawarkan perkhidmatan mengendalikan ibadah haji. Sebagai contoh, pada tahun 2017, Tabung Haji telah menyenaraikan 19 agensi pelancongan yang dibenarkan untuk mengendalikan paket haji 1438 hijriyyah ini (Tabung Haji, 2017).

Pada mutakhir ini, kerajaan Arab Saudi telah melarang melakukan umrah atau haji tanpa melalui agensi pengelola. Mereka yang memasuki negara Arab Saudi untuk mengerjakan ibadah umrah atau haji tanpa berdaftar dan diurus oleh syarikat pengendali yang sah boleh ditahan oleh pihak berkuasa Arab Saudi, kerana

ia adalah satu kesalahan (Sinar Harian, 2017). Merujuk kepada syarat-syarat yang diletakkan oleh kerajaan Arab Saudi dalam memohon visa haji atau umrah, permohonan ini mestilah melalui syarikat atau agensi yang berdaftar secara sah, dengan mengemukakan permohonan terus kepada kedutaannya di negara masing-masing (Saudi Ministry of Foreign Affairs, 2010).

Berdasarkan larangan dan syarat ini, kerajaan Malaysia juga telah mengetatkan syarat untuk menunaikan umrah atau haji, iaitu mewajibkan berdaftar dengan agensi-agensi pengelola yang sah, demi mengelakkan masalah kelak. Justeru itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana larangan yang diletakkan ini menepati neraca maslahah di dalam syarak, dengan melihat kepada 3 sudut yang telah disebut terdahulu.

Penilaian Hukum Larangan

Penilaian syarat larangan ini menggunakan neraca maslahah syar'iyyah yang mengambil kira 3 sudut penentuan hukum. Sudut pertama ialah niat pelaksanaan (*Qasd al-Fi'l*), sudut kedua ialah cara pelaksanaan (*Ada' al-Fi'l*), dan sudut ketiga ialah kesan pelaksanaan (*Ma'al al-Fi'l*). Ketiga-tiga neraca pertimbangan ini perlulah bersepadan dan tidak boleh salah satunya menyalahi maksud maslahah di dalam Syarak.

Penilaian Larangan Dari Sudut Niat

Allah s.w.t telah meletakkan ikhlas sebagai satu syarat dalam Dia menerima amalan manusia. Ini seperti firmanNya yang bermaksud: "Dan tidaklah mereka itu diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhaskan ibadat kepadaNya" (al-Bayyinah: 5). Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak menerima amalan melainkan apa yang diikhaskan untukNya" (al-Nasa'i, 1986).

Ini menjelaskan kepentingan niat dalam penentuan hukum terhadap pelaksanaan sesuatu amalan. Maksud penilaian larangan ini dari sudut niat ialah, asas kepada timbulnya hukum larangan ini perlulah selari dengan konsep kepatuhan syarak, dengan tidak menyalahi atau memesongi makna maslahah yang dituntut dalam syarak. Sandaran pengambilan sudut niat dalam menilai larangan ini ialah sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Hanya sanya amalan-amalan itu diterima dengan niat-niat, dan hanya sanya bagi seseorang itu apa yang diniatkan" (al-Bukhari, 2001). Amalan itu dilihat baik buruknya berdasarkan asas niat yang membawa kepada pelaksanaannya. Ini bertepatan dengan kaedah Maqasid Shari'ah iaitu "Kehendak Syarak terhadap mukalaf adalah supaya kehendak

mukalaf dalam perbuatan menepati kehendakNya dalam pensyariatan” (al-Shatibi, 1997). Contoh yang menjelaskan sudut ini ialah, Allah mensyariatkan keharusan memberi hutang kepada yang memerlukan, dengan kehendakNya dalam perkara ini ialah maksud membantu dan meringankan kesusahan. Sekiranya seseorang itu memberikan hutang kepada seseorang yang lain dengan kehendak atau niat agar orang yang menerima hutang tadi menghormatinya dan mentaatinya, maka kehendaknya telah tidak menepati kehendak Allah dalam perkara ini.

Merujuk kepada larangan melaksanakan ibadah umrah atau haji tanpa melalui agensi pengelola, ia tertakluk dengan penilaian maslahah dari sudut ini. Penilaian maslahah ini terbahagi kepada 2 aspek, aspek maslahah yang kembali kepada individu yang melakukan ibadah tersebut, dan aspek maslahah yang kembali kepada individu-individu yang lain. Antara kehendak yang dijadikan asas larangan oleh kerajaan Arab Saudi lantas meletakkan syarat ini ialah pengurusan ibadah yang lebih teratur dengan wujudnya pihak yang dipertanggungjawabkan. Ini memandangkan ibadah umrah dan haji amat berbeza dengan aktiviti melancong. Perbezaan yang ketara ialah suasana pergerakan manusia dan kondisi tempat dan cuaca yang boleh menyebabkan kemudaratan.

Adakah kehendak di atas ini menepati kehendak syarak dalam pensyariatan ibadah umrah dan haji? Apabila Allah mensyariatkan haji contohnya, Allah berkehendakkan kemaslahatan bagi manusia di dunia dan akhirat. Maslahah di dunia seperti firmanNya yang bermaksud: “Dan agar mereka itu (setelah melaksanakan haji) menyaksikan manfaat-manfaat bagi mereka” (al-Hajj: 28).

Manakala maslahah di akhirat pula seperti sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud: “Haji yang mabruur itu tiada ganjaran baginya melainkan syurga” (al-Bukhari, 2001).

Larangan ini dengan melihat kehendak yang disebut terdahulu adalah demi memastikan kemaslahatan individu dan orang lain terjaga dan terjamin. Ini kerana memastikan pengurusan ibadah itu teratur demi mengelakkan kemudaratan seperti seseorang yang melakukan umrah tanpa melalui agensi, kemudian dia ditimpa musibah kematian, siapakah yang akan bertanggungjawab menguruskan jenazahnya.

Ini berbeza sekiranya kehendak yang membawa kepada larangan ini bertentangan dengan kehendak syarak. Sebagai contoh, jika larangan ini dilakukan atas dasar menghalang umat Islam dari melakukan ibadah, atau menyusahkan mereka untuk datang ke Tanah Haram, atau mengkhususkan tempat suci ini kepada golongan tertentu, maka kehendak ini secara jelasnya tidak mematuhi syarak. Justeru, larangan yang

berdasarkan kehendak ini terbatasi berpandukan kaedah syarak “Setiap kehendak yang berlawanan dengan kehendak Syarak maka ia dianggap batil” (al-Shatibi, 1997).

Sekiranya berlaku pertembungan maslahah dan mafsadah antara individu yang ingin melaksanakan haji atau umrah dan syarat larangan ini, maka pertimbangan maslahah diperlukan di sini. Atas dasar “Kemaslahatan umum diutamakan daripada kemaslahatan khusus” (al-Shatibi, 1997), larangan ini tidak terbatasi hanya kerana memelihara kemaslahatan individu sahaja. Sebagai contoh, akibat syarat larangan ini, seseorang perlu mengeluarkan wang perbelanjaan yang lebih berbanding sekiranya dia tidak mematuhi larangan ini. Ini dikira keburukan yang menimpa dirinya sahaja, namun ia tidak membantalkan larangan ini yang memelihara kemaslahatan dirinya dan orang lain.

Apa yang boleh disimpulkan di sini, syarat larangan ini diterima dan diguna pakai selagi mana ia berdasarkan kehendak yang menepati kehendak syarak dalam pensyariatan ibadah haji dan umrah.

Penilaian Larangan Dari Sudut Cara

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad) sekiranya kamu (wahai manusia) mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan mencintai kamu” (Ali ‘Imran: 31) menjadi tunjang perbahasan mengenai cara pelaksanaan amalan. Ayat ini meletakkan mengikuti Rasulullah s.a.w. sebagai satu-satunya syarat cinta dan juga beriman kepada Allah. Ini disokong dengan maksud kalimah syahadah yang setiap muslim ucapkan sebagai bukti keislamannya. Kalimah “La ilaha illa Allah” memberi maksud tiada yang disembah sebenarnya melainkan Allah. Kalimah ini disusuli dengan kalimah kedua “Muhammad Rasul Allah” yang memberi maksud Nabi Muhammad s.a.w. sebagai utusan dari Allah.

Gandingan dua kalimah ini melakarkan satu konsep iaitu setiap muslim itu mesti menyembah Allah, bukan sekadar mengaku tuhan itu Allah, dan cara penyembahan itu mesti diambil dari utusanNya. Cara melakukan sesuatu amalan juga dititik beratkan oleh syarak dalam menentukan ia diterima atau ditolak. Ia menyusuli sudut kehendak yang menjadi dasar penggerak untuk melakukan sesuatu. Ini kerana, selepas menilai sejauh mana kehendak perbuatan itu mematuhi syarak, cara perbuatan itu juga perlu dinilai sejauh mana ini mematuhi syarak. Maksud penilaian larangan ini dari sudut cara ialah, tata sifat pengendalian hukum larangan ini mestilah sejajar dengan konsep kepatuhan syarak, dengan ia tidak bertentangan dengan maksud memelihara kemaslahatan dan menghalang kemudaratan. Sandaran pengambilan sudut cara dalam menilai larangan ini

ialah sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Barang siapa yang mengadakan apa yang dalam urusan kami (agama), yang tidak darinya, maka ia tertolak” (al-Bukhari, 2001). Dan sabda Baginda yang bermaksud: “Bersolatlah kamu semua sebagaimana kamu melihat daku solat” (al-Bukhari, 2001) dan “Ambillah dariku cara-cara melakukan hajimu” (Muslim, 2006).

Beberapa hadis ini menunjukkan bahawa pelaksanaan sesuatu amalan itu mesti menepati syarak secara bentuknya atau maknanya. Menepati syarak secara bentuknya dalam cara pelaksanaan ialah dengan mengikuti sepenuhnya tatacara luaran pengamalan seperti solat. Manakala menepati syarak secara maknanya dalam cara pelaksanaan ialah dengan memastikan cara yang dilakukan dalam pengamalan bertentangan dengan syarak seperti mengakibatkan perbuatan maksiat. Contoh yang menjelaskan sudut ini ialah, Allah mensyariatkan solat lima waktu sehari semalam, dan Dia telah menjelaskan cara pelaksanaannya melalui rasulNya. Solat yang didirikan dengan cara yang bersalah dan apa yang disyariatkan akan tertolak, sekalipun ia dilakukan dengan penuh keikhlasan kepada Allah. Merujuk kepada larangan mengerjakan ibadah haji atau umrah tanpa melalui agensi pengendali yang sah, ia tertakluk juga dengan penilaian memelihara kemaslahatan dari sudut cara pelaksanaan larangan ini. Kemaslahatan yang dipelihara merangkumi apa yang terkesan kepada individu tersebut dan juga apa yang terkesan kepada individu-individu yang lain.

Seperti yang sedia maklum, bagi mereka yang ingin pergi berangkat ke tanah suci Mekah, mestilah mendapatkan visa dari kedutaan Arab Saudi. Telah menjadi syarat untuk memohon visa ini, mestilah melalui agensi yang sah seperti Lembaga Tabung Haji atau agensi-agensi pelancongan yang diberikan keizinan. Agensi ini juga akan mengendalikan urusan penerbangan dan penginapan, di samping perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti kursus bimbingan. Apabila di tanah suci nanti, agensi ini akan dipertanggungjawabkan ke atas individu yang melaluinya oleh kerajaan Arab Saudi dari aspek keselamatan, kesihatan, kebijakan dan lain-lain. Antara kebaikan menggunakan perkhidmatan agensi pengendali ini ialah seseorang itu tidak perlu bersusah payah menguruskan sendiri, dan segala urusan hanya berlau di satu tempat sahaja.

Cara pelaksanaan ini meskipun tidak pernah wujud di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, namun ia tidaklah dianggap menyalahi syarak, kerana ia termasuk dalam perkara yang berubah mengikut kemaslahatan. Keharusan melaksanakan ibadah haji dan umrah dengan cara ini diasaskan atas dalil al-Istislah iaitu pembinaan hukum dengan melihat makna kemaslahatan yang menepati syarak (Ibn Badran,

1981). Pelaksanaan ini bukanlah ibadah yang tidak boleh berubah caranya seperti solat dan haji, tetapi ia bersandar kepada keadaan tempat dan masa, yang memelihara maksud kemaslahatan kepada manusia. Sekiranya seseorang individu yang tidak memilih cara ini, tetapi dengan cara pergi tanpa melalui agensi, ini akan menimbulkan kesulitan dalam menguruskan ibadahnya dengan risiko-risiko yang ditanggungnya seorang diri.

Cara pelaksanaan ini tertakluk dengan maksud memelihara maslahah yang dituntut dalam syarak. Oleh kerana itu, sekiranya mengikuti cara ini menyebabkan kemaslahatan itu hilang, bahkan menyebabkan kemudaratan seperti bayaran yang terlalu mahal atau penyertaan dalam agensi ada maksud penipuan dan perjudian contohnya, maka ternyata cara ini tidak mematuhi syarak. Ini bertunjangkan kepada kaedah syarak iaitu “Matlamat tidak menghalalkan cara” (al-Durayni, 2008). Cara yang melibatkan apa yang diharamkan tidak berubah menjadi harus hanya kerana ia bermaksud untuk mencapai perkara yang diperintahkan.

Kesimpulannya di sini, cara pelaksanaan larangan ini masih dan tetap tertakluk kepada maksud syarak dalam memelihara kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratan.

Penilaian Larangan Dari Sudut Kesan

Seringkali Allah s.w.t. menjadikan apa yang akan berhasil itu memberi kesan kepada penghukuman sesuatu perbuatan. Ini seperti dalam firmanNya yang bermaksud: “Janganlah kamu mencerca orang yang menyembah selain Allah kerana nanti mereka akan mencerca Allah” (al-An’am: 108). Manhaj ini juga diambil kira oleh Rasulullah s.a.w. seperti dalam hadisnya ketika mana Baginda ditanya tentang keengganannya membunuh munafiqin, lantas Baginda bersabda yang bermaksud: “Agar tidak nanti manusia memperkatakan bahawa Muhammad membunuh sahabatnya” (al-Bukhari, 2001). Dalil-dalil ini dan selainnya menunjukkan bahawa hukum sesuatu perbuatan juga bergantung kepada kesan yang berhasil darinya. Maksud penilaian larangan ini dari sudut kesan ialah, natijah yang berhasil secara pasti akibat dari larangan ini semestinya tidak menyalahi kesan yang dimahukan oleh syarak. Sekiranya kesan ini membelaangi tujuan yang dikehendaki oleh syarak seperti ia mengakibatkan kemudaratan atau menghilangkan kemaslahatan, maka larangan ini tidak wajar dilaksanakan.

Kaedah umum yang menjadi pasak kepada sudut ini ialah “Memandang kepada kesan-kesan perbuatan adalah diambil kira dalam syarak” (al-Shatibi, 1997). Mengikut kaedah yang lain “Apa yang akan berlaku itu

seperti apa yang berlaku” (Ibn Abdul Salam, 1991). Maksud kaedah-kaedah ini ialah seperti yang dibincangkan sebelum ini, bahawa apa yang pasti terhasil dari sebarang perbuatan menentukan penghukuman ke atasnya. Contoh yang menerangkan maksud ini ialah, Allah mengharuskan bersedekah bahkan menggalakkannya kerana kesan yang dikehendaki oleh Allah darinya iaitu membantu mereka yang memerlukan. Namun, sekiranya pemberi sedekah ini menginginkan kesan yang sebaliknya, seperti ingin mengelakkan dari kewajipan zakat, maka maslahah yang sepatutnya terhasil dari perbuatan ini telah bertukar menjadi mafsadah. Lantas, perbuatan ini dilarang berdasarkan kesan yang akan terhasil tersebut.

Pengaplikasian penilaian sudut ini ke atas larangan mengerjakan haji atau umrah tanpa melalui agensi pengelola membawa kepada keterikatan keabsahannya dengan apa yang terhasil darinya. Ia juga melibatkan kemaslahatan yang kembali kepada individu secara khususnya, dan kepada orang lain secara umumnya.

Kemaslahatan yang ingin dicapai oleh pihak yang meletak syarat larangan ini terkesan kepada individu itu sendiri. Antaranya, supaya orang yang melaksanakan haji atau umrah ini terjaga kebaikannya ketika di tanah suci, kerana dia mempunyai satu entiti yang sah untuk dirujuk berkenaan dirinya dari sudut keselamatan, kesihatan, maklumat diri dan lain-lain. Kemaslahatan ini yang terhasil ini juga terkesan kepada pihak lain, seperti keluarganya sendiri, pihak kedutaan dan pihak berkuasa di sana. Ini sekiranya berlaku sebarang keadaan, pihak-pihak ini akan merujuk entiti tersebut. Ini ternyata bertepatan dengan beberapa Maqasid Shari’ah dalam menjaga diri dan harta.

Seandainya kesan yang terhasil adalah sebaliknya, iaitu menyanggahi maksud syarak dengan menatijahkan kemudaratan, maka larangan ini tidak boleh dilaksanakan. Ini berdasarkan kaedah syarak “Setiap perbuatan yang gagal menghasilkan tujuannya maka ia terbatal” (Ibn Abdul Salam, 1991). Contohnya, larangan ini bertujuan apa yang disebut terdahulu, akan tetapi jika ia akan menghasilkan secara pasti kemudaratan seperti peningkatan bayaran kepada agensi yang mengambil kesempatan lantas membebankan golongan sederhana yang ingin menunaikan umrah, maka larangan ini perlu dinilai semula.

Secara ringkasnya, kepatuhan larangan ini terhadap maksud syarak mesti dilihat juga dari sudut kesan yang akan terhasil. Syarat ini diterima pakai selagi mana ia tidak membawa kepada kesan yang tidak dikehendaki oleh syarak.

Kesimpulan

Apa yang boleh disimpulkan di sini berkenaan larangan mengerjakan haji atau umrah tanpa melalui agensi pengelola menurut penilaian maslahah adalah seperti berikut:

- i. Pihak berkuasa dan pemerintah berhak meletakkan syarat-syarat tertentu dalam pelaksanaan ibadah haji dan umrah berdasarkan apa yang dilihat maslahah.
- ii. Larangan ini terikat dengan kemaslahatan yang terkandung dalam niat yang menjadi asas syarat ini.
- iii. Larangan ini juga dinilai dari sudut cara ia dilaksanakan, dengan melihat pemeliharaan maslahah.
- iv. Larangan ini mengambil kira sudut natijah yang akan berlaku darinya, sejauh mana ia menepati maksud maslahah yang dikehendaki oleh syarak.

Rujukan:

- Abu Dawud, Sulayman. (2009) *Sunan Abi Dawud*. Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut, Dar Tuq al-Najah.
- Al-Durayni, Fathi. (2008). *Khosois al-Tashri’ al-Islami fi al-Siyasah wa al-Hukm*. Beirut, Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Karmi, Hafiz Ahmad. (2007). *Al-Idarah fi ‘Asr al-Rasul: Dirosah Tarikhyyah li al-Nuzum al-Idariyyah fi al-Dawlah al-Islamiyyah al-Ula*. Kaherah, Dar al-Salam.
- Al-Nasa’i, Ahmad. (1986). *Sunan al-Nasa’i*. Maktabah al-Matbu’at al-Islamiyyah.
- Al-Ramli, Muhammad. (1984). *Nihayat al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini, Muhammad. (1994). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma’rifat Ma’ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim. (1997). *Al-Muwafaqat*. Riyadh, Dar Ibn ‘Affan.
- Baharudin, Aiza Maslan. (2014). *Hajj and Malayan Experience 1860s – 1941*, Journal Kemanusiaan, Vol. 21, No. 2.
- Hassan, Husain Hamid. (1981). *Nazoriyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah, Maktabah al-Mutanabbi.
- Ibn Abdul Salam, Izzudin. (1991). *Qawa’id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Kaherah, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Ibn Badran, Abdul Qadir. (1981). *Al-Madkhali Mazhab al-Imam Ahmad*. Beirut, Mu’assah al-Risalah.
- Muslim bin al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Riyadh, Dar al-Taybah.
- Saudi Ministry of Foreign Affairs. (2010). Available at:

[http://www.mofa.gov.sa/aboutMinistry/MinistryDe
partments/ConsularServices/Pages/HajjAdministrati
on244.aspx](http://www.mofa.gov.sa/aboutMinistry/MinistryDe
partments/ConsularServices/Pages/HajjAdministrati
on244.aspx) Access Date: 27th October 2018.

Sinar Harian. (2017). Available at:

[http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/ara
b-saudi-larang-umrah-do-it-yourself-diy-1.676431](http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/ara
b-saudi-larang-umrah-do-it-yourself-diy-1.676431)

Access Date: 27th October 2018.

Tabung Haji. (2017). Available at:

[http://www.tabunghaji.gov.my/perkhidmatan-pakej-
haji-swasta](http://www.tabunghaji.gov.my/perkhidmatan-pakej-
haji-swasta) Access Date: 27th October 2018.

Umar, Samirah Fahmi. (2002). *Imarah al-Hajj fi Misr al-Uthmaniyyah*. Mesir, al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab, Egypt.